



**AHAD, 11 SEPTEMBER 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM AKTIFKAN USAHA Mencari dan Menyelamat
HELIKOPTER DI BIDOR, PERAK**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan bahawa sebuah helikopter gagal dihubungi oleh Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) pada 12:16 tengah hari Ahad, 11 September 2022. Jenis/model helikopter ialah Eurocopter EC120B, pendaftaran N409HH yang dikendalikan oleh Heli Outpost Sdn Bhd. Helikopter dengan seorang juruterbang itu berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor pada 11:37 pagi untuk penerbangan persendirian dan dijadualkan untuk mendarat pada 12:37 tengah hari di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak.

Sistem radar di KLATCC telah merekodkan kehilangan ketinggian mendadak oleh helikopter terbabit. Pegawai kawalan trafik udara cuba menghubungi juruterbang walau bagaimanapun tiada panggilan kecemasan dibuat. Semakan daripada bacaan radar menunjukkan kehilangan ketinggian yang besar dalam masa kurang daripada 1 minit.

Kuala Lumpur Aeronautical Rescue Coordination Centre (KLARCC) di KLATCC telah segera diaktifkan untuk menentukan lokasi helikopter itu. Helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia kini berada di lokasi terakhir yang diketahui untuk menjalankan usaha mencari dan menyelamat (SAR).

DATUK KAPTEN CHESTER VOO
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan kenyataan media ini, sila hubungi Anis Rahim di anis@caam.gov.my